

Perspektif Feminis Dalam Isu Homoseksual

Nur Zainatul Nadra Zainol¹, Latifah Abdul Majid², Hayati Hussin³

Email: ¹ nadra@uthm.edu.my, ² umilm@ukm.edu.my, ³hayati.hussin@usim.edu.my

¹Pensyarah, Jabatan Penyelidikan, Dokumentasi dan Penerbitan Institut Ahli Sunnah wal Jemaah, Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

² Profesor Madya, Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

³ Pensyarah, Fakulti Pengajian al-Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Serangan pemikiran yang berkehendak kepada penerimaan homoseksual sebagai satu perbuatan yang tidak menyalahi syariat telah menular dalam masyarakat Islam kini. Golongan yang menerima homoseksual ini memberi alasan agama harus diamalkan bersesuaian dengan realiti semasa sekalipun terpaksa menafikan hukum-hukum yang telah *thabit* dengan nas-nas syarak secara qat'i. Serangan ini dilakukan oleh feminis yang memperjuangkan hak-hak kesamarataan gender kerana mereka berpendapat sebahagian hukum yang terdapat dalam al-Quran telah menindas serta mendiskriminasi gender. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis pemikiran feminis terhadap isu homoseksual serta kritikan pemikiran mereka menurut al-Quran dan al-Sunnah. Metode yang digunakan adalah analisis kandungan 3 karya feminis sebagai kaedah untuk mengumpulkan data dan kaedah diskriptif digunakan untuk menganalisis data. Hasil kajian menunjukkan golongan feminis berkehendak untuk membela golongan homoseksual dengan hujah-hujah mereka walaupun ia melibatkan hukum-hukum al-Quran yang telah *thabit* dengan nas-nas syarak secara qat'i. Implikasi kajian menunjukkan perjuangan golongan feminis ini wajar diperhalusi dan diberi perhatian serius kerana pemikiran kesamarataan gender adalah bukan berasal daripada agama Islam malah ia berasal daripada tradisi masyarakat barat Justeru, pemikiran yang berkehendak kepada keterbukaan dalam berijtihad dengan meletakkan akal pada tempat yang paling tinggi berbanding al-Quran dan al-Sunnah seperti *feminisme* harus dibendung daripada menyerap masuk dalam pemikiran masyarakat Islam.

Kata kunci: Kritik pemikiran, Kajian Feminis, Homoseksual, Pemikiran Liberal.

Feminist Perspectives in Homosexual Issues

Abstract

Indoctrination on homosexual acceptance as a non-violent act have transmitted in today's Islamic society. The people who receive this homosexuality give the reason that religion should be practiced in harmony with current reality despite being forced to deny the laws that have been fixed (*thabit*) with Islamic law in qat'i. This indoctrination was committed by feminists who championed the rights of gender equality as they argued that some of the laws contained in the Qur'an had suppressed and discriminated against gender. This article aims to analyse feminist thinking on homosexual issues as well as criticism of their thinking according to the Qur'an and al-Sunnah. Methodology of this study was the analysis of the content of three feminist works as a method for collecting data and descriptive methods used to analyse obtained data. The findings show that feminists are expected to defend homosexuals with their arguments even though it involves the laws of the Qur'an that have been fixed in Syariah law. The implication of the study shows that the feminist fight is deliberately refined and given serious attention because the thinking of gender equality is not derived from Islam but it is derived from the tradition of Western society. Therefore, the mind that desires for openness in ijtihad by placing minds at the highest place in the Qur'an and al-Sunnah such as feminism should be banned from entering into the minds of the Muslim community.

Keywords: Thinking criticism, feminist studies, homosexuality, liberal thinking, gender equality.

1. Pengenalan

Homoseksual atau dalam bahasa Arab dikenali sebagai شذوذ جنسی (al-Zuhayli, 1997), cenderung dan tertarik dari segi seks kepada orang yang sama jenis jantina dengannya (Merriam Web-ster 2014; Oxford Dictioneries 2014) orang yang tertarik nafsu syahwatnya kepada orang yang sejenis dengannya, terutamanya antara lelaki dengan lelaki (Kamus Dewan Edisi Keempat). Homoseksual adalah kecenderungan tertarik kepada jantina yang sama, iaitu hubungan lelaki dengan lelaki mahu pun hubungan wanita dengan wanita. Perkataan lawan bagi homoseksual adalah heterosexual yang bermaksud keadaan tertarik pada jenis kelamin yang berbeza. Perkataan homoseksual sering digunakan untuk seks sesama lelaki, manakala untuk seks sesama wanita disebut sebagai lesbian (Marzuku Omar, 1998). Lesbian juga merupakan hubungan seks tanpa memasukkan kemaluan ke dalam kemaluan. Lesbian sendiri merupakan bentuk seks yang dilakukan antara-perempuan. Di dalam penjelasan yang lain, maksud lesbian adalah wanita yang berhubungan intim dengan wanita (al-Faifi, 2013).

Dalam al-Quran telah membincangkan perbuatan homoseksual dengan merujuk kepada kisah kaum Nabi Luth A.S. Sementara Kisah Nabi Lut telah disebut pada dua puluh tujuh tempat dalam pelbagai Surah dalam al-Quran. Berikut kajian ini membawa pembahagian surah-surah al-Quran yang membincangkan kisah Nabi Lut A.S. berdasarkan kepada kekerapan surah untuk menggambarkan tentang kisah Nabi Lut A.S. dan kaumnya bukan hanya kisah dan falsafah sejarah. Selain itu, perbincangan tentang kisah kaum Lut ini telah disentuh dalam 19 surah. Pecahan tentang surah-surah tersebut seperti dalam jadual 1 berikut:

Jadual 1 Pecahan Surah-Surah al-Quran yang membincangkan tentang Kisah Nabi Lut AS

Bil.	Nama Surah	Kekerapan	No Surah
1	Al-‘An‘am	1	86
2	Al-‘A‘raf	1	79-84
3	Hud	5	69-83
4	Al-Hijr	2	57-77
5	Al-‘Anbiya’	2	74
6	Al-Haj	1	
7	Al-Shu‘ara’	3	160-175
8	Al-‘Ankabut	4	28-35
9	Al-Saffat	1	133-138
10	Sad	1	13
11	Qaf	1	13
12	Al-Qamar	2	33-40
13	Al-Tahrim	1	10
14	Al-Naml	Secara ringkas	54-58
15	Al-Taubah	Secara ringkas	70
16	Al-Furqan	Secara ringkas	40
17	Al-Zariyat	Secara ringkas	31-37
18	Al-Najm	Secara ringkas	53-54
19	Lut	Secara ringkas	43

(Sumber: al-Khalidi, 2008)

Secara umumnya al-Quran mengutuk perbuatan kaum Nabi Luth A.S. iaitu pada Surah al-‘A‘raf ayat 80-84 mengutuk amalan gay dan homoseksual. Perkara ini diulangi lagi dalam Surah Hud ayat 77-83 yang mempunyai perkaitan dengan Nabi Ibrahim A.S. dan ayat ini

diceritakan kisah Nabi Lut A.S. dengan kaumnya Nabi Lut A.S. ialah anak saudara Nabi Ibrahim AS. Kaumnya penduduk bandar Sodom di Palestin telah dibinasakan oleh Allah SWT kerana mereka melakukan perbuatan yang keji (mengadakan hubungan jenis sesama lelaki dengan meninggalkan perempuan). Dengan ini jelaslah Islam melarang sama sekali melakukan perbuatan terkutuk ini.

Al-Khalidi (2007) menjelaskan kisah-kisah Nabi Lut A.S. disebut dalam tiga keadaan; pertama Kisah Nabi Lut A.S. dan kaumnya diceritakan secara panjang lebar dengan memberi penekanan kepada penyelewengan dan penyimpangan mereka dan dakwah Nabi Lut A.S. kepada kaumnya secara lemah lembut dan berhikmah, namun mereka menolak dakwah itu sehingga diturunkan azab ke atas mereka, kedua diceritakan isyarat ringkas tentang kisah Nabi Lut A.S. Disebut Nabi Lut berserta dengan nama-nama al-Anbiya'. Berdasarkan rumusan yang telah dilakukan al-Khalidi, maka jelas kisah Nabi Lut A.S. dan kaumnya bukan sekadar kisah sejarah, malah terdapat peringatan yang besar kepada manusia pada hari ini untuk mengambil ictibar terhadap apa yang telah berlaku pada zaman dahulu akibat daripada mengingkari perintah Allah SWT.

Homoseksual sama ada gay atau lesbian adalah perbuatan yang dinamakan zina. Zina adalah perbuatan haram yang amat dimurkai Allah jika dilakukan dalam kalangan hambaNya. Sudah tentulah pengharaman zina oleh Allah adalah disebabkan kesan buruk yang berlaku kepada manusia. Selain itu juga zina seperti gay dan lesbian memusnahkan hidup bermasyarakat yang telah digariskan oleh agama. Dalam undang-undang Islam, perbuatan zina ini boleh dihukum dengan hukuman hudud atau takzir. Hukuman hudud merupakan perkara yang telah termaktub di dalam al-Quran. Manakala takzir adalah perkara yang tidak terdapat hukumnya di dalam al-Quran secara khusus tetapi keputusannya berdasarkan pemerintah sesebuah negara Islam. Liwat adalah memasukkan zakar ke dalam dubur seseorang samada lelaki atau wanita (Shamrahayu A Aziz 2012).

Fakta tentang homoseksual turut disebut dalam sumber kedua syariat Islam iaitu hadith Rasulullah SAW. Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Majah menyebut bahawa hukuman ke atas pelaku dan orang yang menjadi sasaran adalah bunuh:

عَنْ أَبْنَى عَبَّاسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَنْ وَجَدْتُمُوهُ يَعْمَلُ عَمَلَ قَوْمٍ لُوطٍ فَاقْتُلُوا الْقَاعِلَ وَالْمُقْعُولُ بِهِ»

(al-Tirmidhi. 1975. *Kitab al-hudud. bab fi hadd al-luti. Bab ma jaa fi hadd al-luti*, no. hadith 1456. al-Albani telah menghukum hadith ini sebagai sahih).

Maksudnya:

Daripada Ibn ‘Abbas, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: "Barang siapa dari kalian yang menemukan orang yang melakukan perbuatan kaum nabi Lut, maka bunuhlah pelaku dan objek daripada pelaku itu."

Dalam hadith yang lain yang terdapat dalam Musnad Ahmad, Allah SWT melaknat orang yang melakukan perbuatan Kaum Nabi Lut AS:

عَنْ أَبْنَى عَبَّاسٍ ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَعَنَ اللَّهِ مَنْ ذَبَحَ لِغَيْرِ اللَّهِ لَعَنَ اللَّهِ مَنْ غَيَّرَ ثُمُومَ الْأَرْضِ وَلَعَنَ اللَّهِ مَنْ كَمَةَ الْأَعْمَى عَنِ السَّبِيلِ وَلَعَنَ اللَّهِ مَنْ سَبَّ وَاللَّهُ وَلَعَنَ اللَّهِ مَنْ تَوَلَّ غَيْرَ مَوْالِيهِ وَلَعَنَ اللَّهِ مَنْ عَمِلَ عَمَلَ قَوْمٍ لُوطٍ وَلَعَنَ اللَّهِ مَنْ عَمِلَ عَمَلَ قَوْمٍ لُوطٍ وَلَعَنَ اللَّهِ مَنْ عَمِلَ عَمَلَ قَوْمٍ لُوطٍ

(Ahmad bin Hanbal. 1995. kitab no hadith 2817).

Maksudnya:

Daripada Ibn ‘Abbas, bahawa Nabi SAW bersabda: "Allah melaknat orang yang

menyembelih bukan kerana Allah, Allah melaknat orang yang mengubah batas-batas tanah, Allah melaknat orang yang menyesatkan orang buta dari jalanan, Allah melaknat orang yang mencela orang tuanya, Allah melaknat orang yang melakukan perbuatan kaum Lut, Allah melaknat orang yang melakukan perbuatan kaum Lut, Dan Allah melaknat orang yang melakukan perbuatan kaum Lut”.

Berdasarkan ayat al-Quran dan hadith-hadith di atas, para ulama bersepakat ke atas pengharaman perbuatan Kaum Nabi Lut A.S. tersebut. Dakwaan Abu Zayd tidak terdapat hukum homoseksual dalam al-Quran adalah menyalahi jumhur ulama. Ulama mencapai kata sepakat tentang haramnya homoseksual secara ijmak iaitu secara persetujuan dalam kalangan ulama Islam. Namun mereka berselisih pendapat tentang bentuk hukuman syara' yang sepatutnya terhadap pelakunya. Perkara ini terjadi disebabkan ikhtilaf mazhab sahaja. Mazhab Maliki menyatakan pelakunya dihukum rejam sama ada *muhsan* (telah berkahwin) mahu pun tidak *muhsan*. Manakala Mazhab Kufah dan Syafi'i pula menyatakan pelakunya dihukum seperti hukuman zina, iaitu rejam bagi yang *muhsan* dan sebat bagi yang tidak *muhsan*. Sementara itu, pihak kedua dihukum sebat seratus sebatan dan dibuang negeri. Menurut Imam Ahmad pelaku zina dihukum rejam jika *muhsan*, manakala bagi Abu Hanifah pelakunya dikenakan takzir (buang negeri) (Shamrahayu A Aziz 2012).

2. Homoseksual dan Sejarahnya

Perdebatan mengenai asal usul homoseksual bermula di Barat sejak tahun 1970-an dan menjadi semakin hangat. Terdapat beberapa kajian yang menunjukkan pelaku homoseksual mempunyai ciri berlainan secara biologi. Antaranya dalam satu kajian oleh Simon LeVay (1991) mendapati kelompok kecil neuron pada anterior hypothalamus, yang dipercayai mengawal tabiat seksual dua kali ganda pada imbasan otak homoseksual berbanding orang normal, Dean Hamer (1993) pula mendapati saudara homoseksual cenderung berkongsi khromosome Xq28. Asal usul biologi homoseksual (teori genetik) mendapat perhatian luar biasa sehingga menutupi kajian-kajian lain yang menafikan. Bagaimanapun kesemua penyelidikan ini gagal menjelaskan sama ada kelainan itu timbul akibat mereka mengamalkan homoseksual atau mereka menjadi homoseksual kerana kelainan tersebut.

Jeffrey Satinover (1996) dalam bukunya yang bertajuk *Homosexuality and the Politics of Truth*, merumuskan tiga hujah utama yang dikemukakan oleh para aktivis homoseksual atau lebih dikenali sebagai para pendukung “gay politics”. Tiga hujah mendukung homoseksualiti tersebut adalah: (a) homoseksualiti adalah sesuatu yang secara biologi wujud semula jadi, (b) tidak dapat diubah secara psikologi, dan (c) sesuatu yang normal secara sosiologi. Dalam bukunya Satinover menyimpulkan bahawa para aktivis homoseksual bukan pencari kebenaran, tetapi mereka lebih cenderung menghalalkan segala cara untuk mencapai tujuan yang diinginkan. Melalui lobi sosio-politik kumpulan ini, mereka berjaya mendesak dan mempengaruhi APA (*American Psychiatric Association*) agar membuang homoseksualiti daripada diklasifikasikan dalam *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders* yang sebelumnya telah menyenaraikan homoseksual sebagai penyakit yang dapat dirawat oleh psikiatri (Elizabeth Moberly 1997, 30-33).

3. Perjuangan Feminis terhadap Homoseksual

Akhir-akhir ini persoalan homoseksual dibincangkan secara umum sama ada dalam kalangan masyarakat di barat atau pun di timur. Perkara ini turut diperdebatkan secara terbuka oleh pemikir-pemikir Islam. Mereka seolah-olah bangun untuk membela perbuatan ini, perdebatan soal homoseksual sebenarnya sudah lama berlaku. Pada mulanya muncul pertanyaan, apakah hubungan seks sejenis itu merupakan penyakit, atau sebuah perilaku seks yang menyimpang? Seterusnya, bagaimanakah pandangan Islam terhadap masalah ini?

Menyorot perkembangan homoseksual di Barat sangat membimbangkan. Menurut Charles Socarides (1995) melihat pengaruh homoseksual sangat luar biasa sehingga sesuatu yang pada awalnya pantang (taboo) untuk dibicarakan dalam masa dua dekat, namun kini ia

telah diperjuangkan secara terang-terangan. Pada asasnya, gay merupakan suatu sikap yang mana seorang lelaki itu tertarik terhadap lelaki lain. Tabiat ini juga dipanggil sebagai homoseksual yang mana bermaksud tertarik terhadap kaum sejenis. Malah lesbian juga tergolong dalam istilah homoseksual kerana mereka berminat terhadap wanita lain (Shamrahayu A Aziz 2012). Fenomena pengiktirafan golongan gay, lesbian dan trans gender telah berlaku di negara barat. Sementara di Indonesia isu ini telah diperjuangkan oleh Siti Musdah Mulia sehingga dianugerahkan dengan satu pengiktirafan daripada pihak barat iaitu daripada Anugerah II Premio Internazionale La Donna Dell' Anno Year 2009 (Anugerah Antarabangsa Wanita 2009) yang diadakan di Saint Vincent, Itali.

Perjuangan tentang gay dan homoseksual turut berlaku di Malaysia dengan pengajuran Program Seksualiti Merdeka 2011 pada 1-11 November 2011 oleh Majlis Peguam dan badan-badan bukan kerajaan (NGO). Golongan ini ingin memerdekaan seks dari sebarang kongkongan, bebas mengikut selera masing-masing dan semua orang patut menghormatinya, tidak boleh diskriminasi terhadap golongan ini dengan membuang mereka dari kerja, menghalang mereka dari sebarang tugas, melihat mereka dengan hina dan pada masa yang sama tidak boleh menegah aktiviti mereka yang dianggap hak asasi dari persetujuan suka sama suka.

Idea mempersoalkan hukum homoseksual dalam Islam bermula dengan kajian yang dilakukan oleh segolongan orang Islam yang hidup di barat khususnya di Amerika Syarikat. Tidak dapat dipastikan sama ada idea ini muncul kesan daripada cara hidup barat yang semakin bercelaru, sehingga sebahagian orang Islam menjadi korban pengaruh cara hidup ini serta mengalami kebingungan dan keraguan, bertindak mencari legitimasi daripada agama untuk membenarkan perbuatan mereka. Sebahagian kelompok ini menyuarakan idea bahawa Islam sebenarnya tidak mengharamkan homoseksual. Menurut mereka tidak ada dalil yang kukuh yang boleh dijadikan alasan dan hujah untuk mengharamkan homoseksual. Golongan ini membantah hukuman yang dikenakan kepada perilaku homoseksual seperti yang tertulis di dalam kitab-kitab *fiqh*. Bagi mereka, hukuman tersebut hanyalah ijтиhad para fuqaha yang dipengaruhi oleh budaya yang antagonis terhadap segala bentuk ketidak normalan seksualiti (Khalif Muammar, 2006).

4. Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan kajian analisis kandungan. Metode yang digunakan ialah analisis kandungan yang terdiri daripada artikel, buku dan wacana. Sampel kajian adalah terdiri daripada:

- i. Artikel bertajuk Sexuality, Diversity and Ethics in The Agenda of Progressive Muslim dalam *Progresive Muslim* oleh Scott Sirajul Haq Kugle.
- ii. *The Trouble with Islam : A Muslim's Call for Reform in Her Faith* karya Irshad Manji.
- iii. Artikel The Story Of Luth And The Qur'an's Perception Of The Morality Of Same-Sex Sexuality tulisan Amreen Jamel.

Manakala analisis data menggunakan kaedah diskriptif dan perbandingan berterusan untuk menjawab dakwaan dan kritik balas.

5. Analisis Pemikiran Feminis

5.1 Scott Sirajul Haq Kugle

Scott Sirajul Haq Kugle (2003) dalam *Progressive Muslim* menulis artikel berjudul “Sexuality, Diversity and Ethichs in the Agenda of Prograssive Muslims” membahaskan dengan terperinci isu homoseksual dengan menyatakan bahawa para ulama sebenarnya tidak mempunyai landasan yang kukuh dalam mengharamkan homoseksual. Baginya, kisah kaum Luth dalam al-Quran sebenarnya mengandungi mesej etika dan bukan mesej perundangan. Oleh itu, tafsiran para fuqaha' yang menetapkan pengharaman homoseksual menurutnya adalah akibat salah faham (Kugle 2003: 223).

Bertitik tolak daripada premis pentafsiran seseorang terhadap teks itu adalah subjektif, maka Kugle (2003: 213-215) berpendapat bahawa dia mentafsirkan ayat tersebut dengan pemahaman yang berbeza. Al-Quran memang menegaskan penyelewengan yang dilakukan oleh kaum Nabi Lut AS, dan mereka akhirnya menerima hukuman tuhan. Namun, penyelewengan yang dilakukan bukan semata-mata perbuatan homoseksualnya, tetapi adalah pemaksaan terhadap mangsa homoseksual. Beliau menyatakan ini jelas apabila kaum Nabi Lut A.S. tersebut meminta Nabi Lut AS menyerahkan tetamu yang bertandang ke rumah baginda untuk diserahkan kepada mereka. Oleh itu, beliau menegaskan perbuatan homoseksual secara paksa atau pemerkosaan terhadap tetamu Allah SWT inilah yang menyebabkan kemurkaan Allah SWT.

Ketika mengulas tafsiran al-Qurtubi yang menyamakan liwat dengan zina, Kugle (2003) menyatakan: “One could argue with al-Qurtubi that his reading of the Qur'an is not just simple, but also erroneous, limited and misleading...one could speak of transgression in general to imply a whole range of acts that transgress the boundary of decency, righteousness, or legality”.

Pendapat Kugle (2003) bukan sahaja menolak pendapat al-Qurtubi, malah menolak pandangan majoriti ulama yang mentafsirkan *fahishah* dalam al-Quran sebagai sesuatu yang sinonim dengan zina. Sebaliknya Kugle menterjemahkan *fahishah* dengan pengertian umum iaitu perbuatan melampaui batas.

Atas dasar ini, menurut aktivis homoseksual, hukuman bunuh, rejam dan sebat terhadap pelaku zina sebenarnya tidak lebih ciptaan para ulama sendiri yang tidak mempunyai justifikasi yang kuat. Ijtihad para ulama tersebut didakwa telah dipengaruhi oleh faktor psikologi dan sosial yang tidak sensitif terhadap golongan homoseksual. Maka pentafsiran baru terhadap ayat al-Quran perlu dilakukan oleh ‘sensitif seksualiti’ yang merujuk kepada golongan homoseksual (Kugle 2003).

5.2 Irshad Manji

Irshad Manji (2004) dalam buku bertajuk *The Problem With Islam Today*, mengatakan bahawa homoseksualiti adalah pemberian tuhan kepada orang-orang yang sememangnya ditakdirkan menjadi homoseksual. Seseorang yang secara semula jadi dilahirkan sedemikian tidak perlu menyembunyikannya atau menafikannya kerana ia mesti menerima dirinya seadanya. Bagi beliau, jika tuhan sudah memberikan sesuatu kepada manusia, maka tidak mungkin tuhan mengharamkannya seperti juga dalam masalah homoseksual ini. Tambah beliau juga bahawa para ulama tidak mempunyai justifikasi yang kuat ketika mengharamkan aktiviti atau perbuatan homoseksual.

Tambah Irshad Manji (2004) beliau tidak pasti sama ada pendapatnya adalah benar dan pendapat ulama adalah salah, namun beliau mengatakan jika para ulama sangat pasti tentang kebenaran pendapat mereka, maka mereka harus memberikan alasan yang kukuh. Oleh itu, baginya, tiada argumen yang meyakinkan diberi oleh para ulama, maka mengharamkan aktiviti dan perbuatan homoseksual boleh dianggap sebagai satu pemaksaan untuk menerima pendapat sendiri yang subjektif. Para ulama dalam hal ini telah merebut kuasa dan autoriti Tuhan. Hal ini kerana mereka memaksakan masyarakat menerima pentafsiran mereka terhadap teks al-Quran. Bahkan mereka lebih maklum tentang hukum homoseksual berbanding Allah SWT (yang dirujuk sebagai pengarang teks al-Quran). Justeru beliau secara terang-terang telah menyangkal gay dan homoseksual adalah suatu yang dilarang dalam Islam. Beliau membuat kesimpulan dalam isu ini, al-Quran tidak menyebut secara jelas tentang pengharaman homoseksual, semuanya samar-samar dan kebenaran yang mutlak perlu diserahkan kepada Allah SWT.

5.3 Amreen Jamel

Amreen Jamel (2001) yang bertajuk *The Story Of Luth And The Qur'an's Perception Of The Morality Of Same-Sex Sexuality* dalam Journal of Homosexuality telah mengalisis ayat-ayat al-Quran berkaitan dengan Kisah Nabi Lut. Hujah beliau berdasarkan kepada analisis yang dilakukan menunjukkan Islam tidak melarang seks sesama jenis atau dengan istilah lain adalah

pengamalan homoseksual. Hasil kajian beliau homoseksualiti adalah pemberian tuhan kepada orang-orang yang sememangnya ditakdirkan menjadi homoseksual. Seseorang yang secara semula jadi dilahirkan sedemikian tidak perlu menyembunyikannya atau menafikannya kerana ia mesti menerima dirinya seadanya. Bagi beliau, jika tuhan sudah memberikan sesuatu kepada manusia, maka tidak mungkin tuhan mengharamkannya seperti juga dalam masalah homoseksual ini. Tambah beliau juga bahawa para ulama tidak mempunyai justifikasi yang kuat ketika mengharamkan homoseksualiti.

6. Hasil Dapatan: Kritikan Terhadap Dakwaan Feminis

Persoalan pertama yang perlu diperjelaskan adalah benarkan anggapan bahawa homoseksualiti adalah pemberian Tuhan? Seperti yang didakwa oleh Irshad Manji dan golongan feminis yang lain ialah homoseksualiti datang secara semula jadi sejak seseorang dilahirkan. Pendapat Irshad jelas telah mempunyai *prejudgment* (praduga) sebelum beliau memutuskan sama ada homoseksualiti merupakan sesuatu yang semula jadi wujud dalam diri seseorang atau tidak. Pendekatan *a priori* seperti ini sedikit sebanyak menghalang dirinya dan orang yang sefahaman dengannya daripada mengetahui hakikat sebenar persoalan homoseksual. Sememangnya di Amerika Syarikat dan umumnya di barat, terdapat manipulasi fakta bahawa seseorang *gay* atau *lesbian* memang dilahirkan sejak semula jadi dengan kecenderungan homoseksual. Oleh itu, persoalan sebenar yang mesti dikaji terlebih dahulu secara adil ialah adakah sains dapat membuktikan bahawa terdapat “*gay gene*” dalam diri seseorang homoseksual (Khalif Muammar 2006).

6.1 Kritik Dakwaan Homoseksual sebagai Genetik

Hujah tentang teori biologi homoseksual (teori genetik) telah banyak disanggah oleh para saintis Barat. Berikut adalah beberapa pandangan sarjana-sarjana Barat mengenai teori tersebut:

- i. W. Byne & B. Parsons (1993), seorang psikiatris yang memiliki ijazah kedoktoran dalam Biologi, dan Parson telah melakukan kajian bidang biologi terhadap homoseksualiti dan menyimpulkan bahawa tiada bukti yang menyokong teori penyebab biologi: “*non that definitively supported a biological theory of causation*”.
- ii. Seorang ahli sosiologi, Steven Goldberg (1994), mengatakan bahawa faktor utama wujud gejala homoseksualiti adalah persekitaran: “*Virtually all of the evidence argues against there being a determinative physiological causal factor and I know of no researcher who believes that such a determinative factor exists...such factors play a predisposing, not a determinative role... I know of no one in the field who argues that homosexuality can be explained without reference to environmental factor*”.

Penjelasan para saintis barat di atas jelas membuktikan bahawa homoseksualiti bukan keadaan semula jadi apalagi dianggap sebagai pemberian Tuhan. Tiada bukti saintifik menunjukkan bahawa faktor gen manusia yang menjadi penyebab (cause) kepada homoseksualiti. Para saintis sepakat mengatakan bahawa faktor utama adalah persekitaran. Persekitaran selepas kelahiran ‘*posnatal environment*’ dan perkembangan dalam masyarakat ‘*societal development*’. Oleh itu, para saintis yang mengkaji perkara ini mengatakan homoseksual adalah sejenis penyakit atau kelainan (*disorder*) yang memerlukan rawatan daripada pakar. Penyakit ini merujuk kepada penyakit mental dan psikologi seperti malas atau berat tulang, bodoah atau lembam dan sebagainya. Malah penyakit ini dapat ditangani dengan rawatan dan pendidikan khusus sekiranya kelainan yang wujud dapat dikesan lebih awal. Manakala keadaan semulajadi pemberian tuhan hanya dirujuk kepada kemampuan dan kapasiti intelektual iaitu cepat atau lambat, banyak atau sedikit serta kecacatan anggota sahaja.


6.2 Kritik Dakwaan Tiada Nas tentang Homoseksual

Dakwaan feminis bahawa hukum homoseksual tidak terdapat dalam al-Quran ditolak kerana al-Quran menggunakan beberapa istilah yang mana menurut para ulama menjadi landasan yang kuat dalam pengharaman homoseksual. Mereka pada kebiasaan mereka merujuk kepada kisah kaum Nabi Lut AS dalam membincangkan pengharaman dan hukum bagi homoseksual. Kisah kaum

Lut serta perbuatan terkutuk mereka telah diceritakan oleh al-Quran secara khusus dalam tiga surah secara lengkap iaitu Surah al-A'raf: 80-84; al-Naml: 54-58; al-Ankabut: 28-35. Al-Quran menggunakan istilah *al-fahishah* yang mana menurut para ulama menjadi landasan yang kuat dalam pengharaman homoseksual. Sementara itu, penggunaan perkataan *al-fahishah* yang menunjukkan kepada perbuatan keji seperti yang terdapat dalam firman Allah S.W.T. antaranya Surah al-A'raf ayat 80. Perkataan *al-fahishah* dalam ayat-ayat di atas dimaksudkan sebagai perbuatan yang sangat keji (al-Zamakhshari 1995, 3: 437) liwat (al-Zuhayli 1990, 19: 322), menjelaskan perbuatan terkutuk yang dilakukan oleh kaum Lut sehingga mendatangkan azab Allah SWT. Mereka telah menjadikan lelaki sebagai pasangan bagi lelaki, sebaliknya meninggalkan perempuan yang secara fitrah telah dijadikan untuk lelaki.

7. Kesimpulan

Isu homoseksual yang dibawa oleh feminis secara amnya adalah lahir daripada tafsiran yang salah terhadap ayat-ayat al-Quran kerana mereka memberi penekanan kepada keadaan sosial iaitu untuk membela hak golongan tersebut. Mereka mengemukakan dakwaan homoseksual pemberian tuhan yang diwarisi secara genetik dan tiada nas tentang pengharamannya dalam al-Quran. Oleh itu, mereka sedaya upaya mentafsir semula ayat-ayat al-Quran dengan menggunakan metode berbeza iaitu dengan memberi penekanan kepada keadaan sosial dengan menafikan metode yang digunakan oleh ulama Tafsir. Namun, kritikan dan dakwaan mereka telah dijawab dengan dalil naqli dan aqli. Rajah 1 berikut menerangkan dakwaan mereka beserta kajian kritikan:



Rajah 1: Dakwaan dan kritikan tentang Feminis tentang isu homoseksual

Perjuangan golongan ini untuk membela serta membenarkan perbuatan homoseksual adalah tidak selaras dengan Islam kerana terdapat dalil *qat'i* tentang pengharamannya. Implikasi kajian menunjukkan perjuangan golongan feminis ini wajar diperhalusi dan diberi perhatian serius kerana pemikiran kesamarataan gender adalah bukan berasal daripada agama Islam malah ia berasal daripada tradisi masyarakat barat Justeru, pemikiran yang berkehendak kepada keterbukaan dalam berijtihad dengan meletakkan akal pada tempat yang paling tinggi berbanding al-Quran dan al-Sunnah seperti perjuangan feminis membela golongan homoseksual harus dibendung daripada menyerap masuk dalam pemikiran masyarakat Islam.

Rujukan

- Amreen Jamel. 2001. The Story of Luth and The Qur'an's Perception of The Morality of Same-Sex Sexuality dalam *Journal of Homosexuality* 41(1) (2001)
- Socarides, C. W. 1995. Homosexuality: A freedom too far. *Phoenix. AZ: Adam Margrave Books.*
- Fatema Mernissi. 1991. *The Veil And The Male Elite: A Feminist Interpretation Of Women's Rights In Islam.* (terj) Mary Jo Lakeland. Reding Mass: Addison Wesley.
- Hamer DH, Hu S, Magnuson VL, Hu N, Pattatucci AM. July 1993. A linkage between DNA

- markers on the X chromosome and male sexual orientation. *Science* 261 (5119): 321–7
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il ibn 'Umar al-Qarshi al-Basri al-Dimashqi. 1999M/1420H. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Cet. 2. Mesir: Dar al-Fikr lil al-tiba'ah wa al-mashr wa al-tauzi'.
- Irshad Manji. 2004. *The Trouble with Islam: A Muslim's Call for Reform in Her Faith*. New York: St. Martin's Press.
- Jeffrey Satinover. 1996. *Homosexuality and the Politics of Truth*. Baker Books.
- Khalif Muammar. 2006. *Atas Nama Kebenaran Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*. Bangi: Institut Alam Dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kugle, Scott Sirajul Haq. 2003. Sexuality, Diversity, and Ethics in The Agenda of Progresive Muslim dlm. *Muslim Progressive on Justice, Gender and Pluralism*. Ed. Omid Safi. Oxford: Oneworld.
- LeVay S. 1991. A difference in hypothalamic structure between homosexual and heterosexual men. *Science*, 253, 1034–1037.
- Marzuki Umar Sa'adah. 1998. *Seks dan Kita*. cet. 1. Jakarta: Gema Insani Press.
- Moberly, Elizabeth. 1997. Homosexuality and the Truth, *First Things*, Vol.71 (March 1997): 30-33.
- Riffat Hassan. 1999. An Islamic Perspective. In *Sexuality: A Reader*. (pnyt) Karen Lebacqz. Cleveland: The Pilgrim Press.
- Rif'an, M. 2016. *Homoseksual dalam surat Al-A'rāf ayat 80-81 (kritik pemikiran Irshad Manji)*, Doctoral dissertation, UIN Walisongo.
- Scott Kugle. 2003. Sexuality, Diversity and Ethics in The Agenda of Progressive Muslim. Dlm. *Progesessive Muslim*, Oxford: Oneworld.
- Shamrahayu A Aziz. 2012. Ayat Al-Quran Perjelas Hukuman Bagi Homoseksual. *Berita Harian* [22 Julai 2015].
- Syaikh Sulaiman Yahya al-Faifi. 2013. *Ringkasan Fikih Sunnah Sayyid Sabiq*. Jakarta timur: Pustaka al-Kautar.
- al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad ibn 'Isa as-Sulami al-Darir al-Bughi al-Tirmidhi. 1975. *Sunan al-Tirmidhi*. (pnyt.) Ahmad Muhammad Shakir et.all. Mesir: Maktabah wa Matba'ah Muthafa al-Babi al-Halabi.
- al-Zamakhshari, Jadullah Mahmud ibn 'Umar. 1995. *al-Kashaf 'an Haqa'iq Ghawamid al-Tanzil wa 'Uyun al-'Aqawil fi wujuh at-Ta'wil*. Kaherah: Dar al-kitab al-'Arabi.
- al-Zuhayli, Wahbah bin Mustafa. 1997M/1418H. *Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*. Dimashq: Dar al-Fikr.